



SIARAN MEDIA

Pembayaran Fasa 1 Bantuan Prihatin Rakyat Bernilai RM1.93 Bilion Secara Berperingkat Mulai 24 Februari 2021

SIARAN MEDIA | 23 FEBRUARI 2021



Pada 18 Januari 2021, YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) telah mengumumkan bahawa pembayaran Fasa 1 Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) dipercepatkan kepada penghujung Februari 2021.

Sukacita diumumkan, bagi pembayaran Fasa 1 BPR, **8.45 juta penerima** akan mendapat bayaran sebanyak **RM300 setiap penerima untuk kategori isi rumah (4.4 juta penerima) dan RM150 setiap seorang untuk individu bujang (4.05 juta penerima)** secara berperingkat mulai 24 Februari 2021 (Rabu), melibatkan peruntukan berjun **RM1.93 bilion**. Bayaran ini akan disalurkan seperti berikut:

Kategori Penerima	Permulaan Tarikh Pembayaran	Kaedah Pembayaran
Isi Rumah dan Individu Bujang	24 Februari 2021	Terus dikreditkan ke dalam akaun bank
Penerima yang tidak mempunyai akaun bank	25 Februari 2021	Melalui cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN)
Penerima di Sabah dan Sarawak tanpa akaun bank	1 Mac sehingga 1 April 2021	Lokasi-lokasi akan diumumkan kelak, bersekalikan dengan pembayaran BPN 2.0

Pembayaran Fasa 1 BPR dibuat kepada penerima BSH 2020 dan BPN B40 yang telah diluluskan sebelum ini. **Pembayaran Fasa 1 ini telah dipercepatkan daripada bulan Mei kepada penghujung Februari 2021 bagi membantu kelangsungan hidup rakyat terutamanya golongan mudah terjejas dan pekerja yang bergantung kepada upah harian.** Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan bantuan yang diperuntukkan sampai kepada mereka yang disasarkan bagi menjamin kesejahteraan rakyat.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan Malaysia
Putrajaya
23 Februari 2021

Lampiran 1

Pembayaran Fasa 1 BPR kepada penerima BSH 2020 dan BPN B40 yang lulus mengikut jadual berikut:

Perkara	Isi Rumah Berpendapatan RM5,000 dan ke bawah	Individu Bujang Berpendapatan RM2,000 dan ke bawah	Jumlah
Data Sedia Ada BSH 2020/BPN B40 (8.5 juta penerima)	4.4 juta	4.05 juta	8.45 juta
(8.5 juta penerima) 4.4 juta 4.05 juta 8.45 juta Nilai Bayaran Fasa 1 BPR bagi setiap penerima	RM300	RM150	
Implikasi Kewangan	RM1.32 bilion	RM0.61 bilion	RM1.93 bilion

Tarikh Pembayaran (Ada Akaun)	Mulai 24-26 Februari 2021
Tarikh Pembayaran (Ada Akaun)	Mulai 25 Februari 2021

Tarikh tutup pendaftaran baharu/pengemaskinian BPR adalah pada 25 Februari 2021. Tempoh masa diperlukan untuk memproses permohonan yang diterima terutamanya permohonan baharu. Sehingga 22 Februari 2021, LHDNM telah menerima 566,364 permohonan baharu dan hampir 3.9 juta permohonan untuk tujuan kemaskini maklumat. Semua permohonan baharu ini perlu diverifikasi dan disemak silang di dalam sistem. Selain itu, proses semak silang ini juga melibatkan 25 Agensi Kerajaan termasuk Jabatan Pendaftaran Negara, LHDNM dan sebagainya untuk memastikan hanya mereka yang benar-benar layak diluluskan untuk menerima BPR. Setelah pangkalan data BPR dikemaskini, baki pembayaran BPR kepada yang lulus termasuk permohonan baharu akan disalurkan pada Fasa 2 (Mei 2021) dan Fasa 3 (September 2021).

Maklumat lanjut boleh dirujuk melalui Soalan Lazim (FAQ) yang telah dimuat naik di portal rasmi BPR iaitu, bpr.hasil.gov.my.

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

 [Laporan LAKSANA](#)

 [Tender](#)

POPULAR TAGS

BERNAMA

TENGKU ZAERUL

BAJET 2022

COVID-19

LAPORAN LAKSANA

TMK I

KELUARGA MALAYSIA

PENJANA

PRIHATIN

TEAM MOF

HARGA MINYAK

PRICE OF PETROLEUM